

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, February 20, 2020 3:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajari Kemahiran Masak Nasi Arab



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 FEBRUARI 2020 / 26 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nor Suraya Abd Rahman
Gambar oleh: Nur Hanis Zolkipli

PELAJARI KEMAHIRAN MASAK NASI ARAB



UUM ONLINE: Perlis - Seramai 22 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil peluang mempelajari masakan nasi arab dalam Kursus Memasak Nasi Arab di Restoran Nasi Arab Cikgu Mi, Arau, baru-baru ini.

Restoran Nasi Arab Cikgu Mi yang terkenal di negeri itu menyajikan aneka hidangan seperti nasi arab dan mee rebus yang menjadi antara tarikan utama penduduk setempat dan pelancong luar.

Pengarah program, Nur Ain Maisarah berkata, kursus masakan ini bukan sahaja dapat memberi pengalaman kepada mereka untuk memasak sendiri nasi arab tetapi ia mampu membuka peluang kepada peserta untuk menjalankan aktiviti perniagaan sendiri.

Menurutnya, UUM mempunyai pelajar dari pelbagai latar belakang dan negara, justeru permintaan ke atas nasi arab ini adalah sangat tinggi dan secara tidak langsung dapat mewujudkan pasaran luas dalam kampus.

"Bagi meningkatkan lagi kemahiran memasak nasi arab ini, kursus anjuran Kelab Patriot Chapter Perlis ini akan membantu pelajar untuk menjana idea dalam perniagaan yang diusahakan pelajar.

"Saya yakin dengan usaha yang dijalankan ini membuktikan pelajar tidak bergantung sepenuhnya pada wang PTPTN dan keluarga, tetapi pada masa sama dapat melahirkan usahawan dalam kalangan peserta ini," katanya.

Nur Ain berkata, pelajar juga perlu bijak dalam mengurus dan merancang hala tuju kehidupan mereka dalam mendepani cabaran masa hadapan, selain menunggu untuk memperoleh ijazah.

Menurutnya, mereka perlu merancang dengan lebih awal dan memiliki kemahiran memasak itu juga adalah antara salah satu kelebihan yang akan membantu sekiranya mereka ingin memulakan perniagaan sendiri.

"Segala pengalaman yang diperoleh ini akan membantu mereka untuk bersaing di alam pekerjaan kelak," katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.